

ID24

## TAHAP KEBERKESANAN PROGRAM SME CORPORATION TERHADAP PRESTASI PERUSAHAAN KECIL & SEDERHANA (PKS) DI PERAK

Nor Hafizah, Hasan<sup>1</sup>

### Abstrak

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji tahap keberkesanan program yang dijalankan oleh SME Corporation terhadap Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera di Perak. Dalam kajian ini, penyelidikan menfokus kepada program yang disediakan oleh SME Corp. yang mana merupakan satu inisiatif kepada PKS bagi mengukuhkan perniagaan mereka sekaligus dapat meningkatkan ekonomi kepada negara. PKS merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara yang akan terus membentuk masa depan negara. Penemuan kajian penting agar para pembaca dapat mengetahui kewujudan PKS sebagai salah satu sumbangan kepada ekonomi negara dan dapat memberikan peluang pelaburan yang berpotensi bagi membolehkan perniagaan untuk melonjak ke tahap yang lebih tinggi. Selain itu, kajian turut berperanan untuk mengenalpasti masalah kajian yang wujud atas beberapa faktor yang telah disenaraikan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang mana soal selidik diedarkan kepada PKS yang mengikuti Program yang dianjurkan oleh SME Corp. dan melihat tahap keberkesanan program tersebut terhadap PKS. Sampel terdiri daripada 100 responden daripada PKS Bumiputera di Negeri Perak yang terdiri dari pelbagai sektor. Secara teori, kajian ini memberikan pengetahuan terhadap PKS melalui program yang diadakan dan mereka perlu merebut peluang yang ditawarkan khususnya PKS Bumiputera. Melalui kajian juga, pembaca didedahkan terhadap gambaran berkaitan kedudukan dan kestabilan usahawan di Negeri Perak. Melalui ulasan karya yang ada, sedikit sebanyak membantu pembaca bagi memahami konsep dan program yang dijalankan SME Corp. sebagai salah satu agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Pembaca juga akan dapat mengetahui gambaran umum berkaitan PKS yang terdapat di Malaysia khususnya di Negeri Perak. Penyelidikan ini juga diharap dapat memberikan sumbangan yang berguna kepada beberapa pihak, antaranya kepada pengusaha dan bakal pengusaha PKS tempatan, dan juga kepada agensi-agensi PKS.

**Kata kunci :** perusahaan kecil dan sederhana, usahawan, keuntungan, produk, ekonomi

### PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG KAJIAN

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan komponen penting dalam pembangunan ekonomi Negara. Dalam keadaan ekonomi yang semakin membangun kini, kesedaran mengenai peranan dan sumbangan PKS oleh pelbagai pihak semakin tinggi. Pelbagai program dalam meningkatkan pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) turut dirangka dan dilaksanakan oleh agensi dan institusi kerajaan mahupun swasta dalam memastikan perkembangan pesat PKS. PKS adalah sumber penting ekonomi Malaysia, yang menyumbang sepertiga daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) dan menyediakan pekerjaan kepada lebih daripada empat juta pekerja atau 60% daripada jumlah guna tenaga. Berdasarkan kepada dasar banci terkini yang dikumpulkan pada tahun 2011, bilangan PKS berkembang sebanyak 20% kepada lebih daripada 662, 000 berbanding dengan data banci terdahulu pada tahun 2005. (BNM, 2011). Memandangkan terdapat pelbagai perubahan dalam ekonomi seperti inflasi harga, perubahan struktur ekonomi dan

---

<sup>1</sup> Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Universiti Sultan Azlan Shah Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia Tel: +6019-574 1303 E-mail: hafizah@usas.edu.my

perubahan trend perniagaan sejak tahun 2005 satu kajian semula definisi telah dilakukan pada tahun 2013. (Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan, 2013)

Jumlah jualan tahunan dan bilangan pekerja sepenuh masa adalah dua kriteria yang digunakan bagi menentukan definisi dengan menggunakan asas "ATAU" seperti berikut:

- Bagi sektor pembuatan, PKS ditakrifkan sebagai firma yang mempunyai jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta **ATAU** bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 200 orang.
- Bagi sektor perkhidmatan dan sektor lain, PKS ditakrifkan sebagai firma yang mempunyai jualan tahunan tidak melebihi RM20 juta **ATAU** bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 75 orang.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), 2011-2015, objektif Agenda Pembangunan Bumiputera adalah untuk meningkatkan pendapatan isi rumah dan taraf hidup Bumiputera, selaras dengan falsafah pembangunan dan ekuiti. Tumpuan diberikan kepada usaha untuk memperkukuh keusahawanan, meningkatkan pemilikan melangkaui ekuiti korporat dan menambah bilangan Bumiputera dalam pekerjaan bergaji tinggi. Penyertaan usahawan Bumiputera dalam ekonomi adalah masih rendah. Berdasarkan maklumat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), pada tahun 2014 sebanyak 283, 200 syarikat atau 27.6% daripada 1, 026, 100 syarikat yang berdaftar adalah syarikat Bumiputera. Mengikut kepada Banci Pertubuhan dan Enterprise Tahun 2005, sebanyak 241, 281 atau 37.4% daripada 645, 136 perniagaan kecil dan sederhana (PKS) adalah milik Bumiputera. Daripada jumlah PKS Bumiputera tersebut, sebanyak 218, 930 atau 90.7% merupakan perusahaan mikro.

Pembangunan kemahiran keusahawanan dan penyediaan bantuan kewangan merupakan antara usaha untuk memperkukuh keusahawanan Bumiputera. Terdapat pelbagai institusi yang menawarkan program pembangunan usahawan khususnya kepada Bumiputera. Institusi kewangan pembangunan (IKP) memainkan peranan penting dalam usaha menyokong sektor yang diutamakan. Antara institusi sedemikian termasuk Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank) yang memberikan perkhidmatan kepada PKS merentas semua sektor. SME Bank menyediakan produk-produk pembiayaan yang pelbagai kepada usahawan dalam membantu meningkatkan produktiviti dan modal kerja syarikat.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), 2011 – 2015, sektor pembuatan menunjukkan prestasi yang menggalakkan. Kebanyakan subsektor utama mencatat pertumbuhan positif dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan eksport. Sektor pembuatan merupakan penyumbang terbesar kepada jumlah eksport dan kedua terbesar kepada KDNK. Walaubagaimanapun, jumlah syer sektor pembuatan Negara kepada pasaran dunia mencatat penurunan berikutan persaingan sengit daripada ekonomi baru muncul seperti Republik Rakyat China, India, dan Vietnam khususnya dalam sektor Elektrik dan Elektrikal (E & E). Perkembangan sektor pembuatan yang tidak selaras dengan perubahan permintaan global, iaitu mengeluarkan produk yang sama dengan produk yang dikeluarkan oleh kebanyakan Negara lain merupakan satu daripada faktor yang menyumbang kepada penurunan tersebut. (Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia, 2015).

Kerajaan dalam usahanya menyokong pertumbuhan PKS telah menyusun pelbagai program melalui agensinya. Pada tahun 2007 dan 2008, kerajaan telah membelanjakan masing-masing RM 4.9 billion dan RM 3.0 billion dalam bentuk program sokongan PKS. Sebanyak 189 program telah dilaksanakan pada tahun 2007 dan 202 program pada tahun 2008.

Jadual 1.1 di bawah menunjukkan program sokongan daripada kerajaan kepada PKS.

**Jadual 1.1: Program Sokongan Daripada Kerajaan Kepada PKS**

Tahun	Jumlah Program	Nilai Perbelanjaan (RM)
2007	189	4.9 bilion
2008	202	3 bilion

Sumber: Malaysia, Bank Negara [BNM] (2009)

Prestasi PKS dalam sektor pembuatan merupakan salah satu daripada eksport Negara terbesar dan masih berada dalam proses pengembangan dan pembangunan. (Rahmah Ismail *et al.* 2006).

Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) adalah sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang bertanggungjawab menggubal dasar dan strategi menyeluruh untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (PKS) serta menyelaras pelaksanaan program pembangunan PKS yang dikendalikan oleh semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia berfungsi sebagai pusat rujukan utama untuk penyelidikan dan penyebaran maklumat berkenaan PKS serta menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia.

Saiz PKS di Malaysia ditentukan berdasarkan dua kriteria iaitu berdasarkan (i) jumlah jualan tahunan, dan (ii) bilangan pekerja sepenuh masa (Sumber: *Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan SME Corp. Malaysia* (2011)). Pembahagian PKS mengikut saiz menunjukkan bahawa 70 peratus adalah dalam kumpulan mikro, 30 peratus saiz kecil dan hanya 3 peratus PKS berada dalam kumpulan saiz sederhana. Ini menunjukkan bahawa bilangan PKS bersaiz kecil semakin bertambah besar dalam pertubuhan keseluruhan PKS dalam sektor pembuatan. Moha Asri (1999a) dalam kajiannya mengesahkan bahawa program pembangunan PKS telah berjaya menambahkan bilangan firma PKS, tetapi prestasi mereka secara keseluruhannya masih tidak berubah. Pertumbuhan bilangan firma yang memberangsangkan ini berlaku kerana strategi yang dilaksanakan oleh kerajaan sebagai usaha untuk menyediakan peluang pekerjaan dan mengatasi masalah lebih buruh kurang mahir. Keadaan ini berlaku kerana keupayaan PKS menjalankan operasi berintensifkan buruh dan menyediakan banyak peluang pekerjaan (Moha Asri, 1997a; Ismail, 1990). Bilangan usahawan Bumiputera dalam sektor perindustrian semakin meningkat, namun penglibatan mereka masih rendah dan terhad kepada sektor yang kurang berpotensi serta beroperasi pada saiz yang kecil (Rahmah Ismail *et al.* 2006).

**Jadual 1.2: Peratusan Bahagian PKS di Malaysia mengikut Saiz 2011**

Saiz PKS	Peratus
Mikro	77.0
Kecil	20.0
Sederhana	3.0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>

Sumber: *Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan SME Corp. Malaysia* (2011)

Dari segi status pemilikan, maklumat yang diperolehi sehingga tahun 2011 menunjukkan bahawa 71.0 peratus firma PKS adalah milik perseorangan, hanya 18.4 peratus adalah syarikat sendirian berhad, dan hanya 8.5 peratus adalah firma perkongsian. Dalam hal ini, 77.0 firma PKS pada skala mikro adalah milik perseorangan dan hampir 20.0 peratus firma skala kecil dan sederhana adalah syarikat sendirian berhad. (Sumber: *Jabatan*

*Perangkaan Malaysia (DOSM) dan SME Corp. Malaysia (2011)*. Maklumat ini juga penting diketahui kerana daripada kajian literatur yang dibuat, didapati antara syarat pembiayaan kerajaan adalah “syarikat sendirian berhad”.

**Jadual 1.3: Status Pemilikan PKS di Malaysia 2011.**

Status Pemilikan PKS	Peratus
Hak Milik Perseorangan	71.0
Syarikat Sendirian Berhad	18.4
Perkongsian	8.5
Lain-lain	2.1
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>

Sumber: *Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan SME Corp. Malaysia (2011)*

Nota: Sebahagian besar perusahaan mikro adalah dalam bentuk hak milik perseorangan dan kebanyakan daripada perusahaan kecil dan sederhana adalah dalam bentuk syarikat sendirian berhad.

Profil PKS terkini menunjukkan bahawa 77.7 peratus pekerja dalam sektor PKS adalah pekerja sepenuh masa, hanya 3.6 peratus pekerja sambilan dan 18.7 peratus bekerja sendiri seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.4. Ini menunjukkan PKS semakin mantap dari segi penyediaan peluang pekerjaan.

**Jadual 1.4: Status Pekerja PKS 2011**

Saiz PKS	Peratus
Pekerja sepenuh masa	77.7
Pekerja sambilan	3.6
Bekerja sendiri	18.7
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>

Sumber: *Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan SME Corp. Malaysia (2011)*

## PERNYATAAN MASALAH

Meskipun peranan sektor Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) dilihat menjadi semakin penting dalam pertumbuhan ekonomi di Malaysia, namun hakikatnya kedudukan kaum Melayu dalam sektor ini masih lagi ketinggalan berbanding dengan apa yang dicapai oleh kaum-kaum lain. Kini, terdapat pelbagai dasar dan program dilaksanakan oleh kerajaan dan agensi yang berkaitan yang melibatkan peruntukan kewangan yang besar untuk meningkatkan penguasaan orang Melayu dalam sektor moden. Hakikatnya, kedudukan orang Melayu dalam sektor berkenaan masih lagi jauh ketinggalan berbanding kaum-kaum lain. Chamhuri Siwar *et al.* (1992) turut mengaitkan kelemahan dalam prestasi PKS khususnya Bumiputera adalah daripada sikap mereka sendiri yang mudah berputus asa, terlalu bergantung kepada kerajaan, serta tidak optimis dalam menggerakkan perniagaan.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menyasarkan untuk meningkatkan penglibatan usahawan PKS dalam pasaran eksport sebanyak lima peratus bagi menjelang 2020. Kerajaan mempunyai banyak program dan inisiatif bagi membantu usahawan khususnya Bumiputera yang mahu menglibatkan diri dalam PKS. (SME Corporation, Mei 2016)

Segala perincian di atas membuktikan PKS di Malaysia masih dalam proses pemupukan dan pengembangan dalam aspek kewangan yang mana PKS memerlukan bantuan dan sokongan daripada kerajaan atau institusi kewangan yang berkaitan dan salah satunya adalah SME Corporation.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah untuk menyediakan satu wacana akademik dan intelek mengenai program-program yang dijalankan oleh SME Corporation yang boleh didapati oleh usahawan Bumiputera khususnya di Negeri Perak. Secara spesifiknya objektif-objektif kajian ialah:

- i. Untuk mengenalpasti tahap keberkesanan program SME Corporation terhadap kualiti produk PKS
- ii. Untuk mengenalpasti tahap keberkesanan program SME Corporation terhadap pengurusan PKS.
- iii. Untuk mengenalpasti tahap keberkesanan program SME Corporation terhadap keuntungan PKS.

## DATA DAN KAEDAH

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji tahap keberkesanan program yang dibuat oleh SME Corporation terhadap prestasi perniagaan kecil dan sederhana (PKS) di Perak. Saiz sampel sebanyak 100 usahawan yang mendapatkan program daripada SME Corporation cawangan Ipoh, Perak. Oleh itu, PKS kebanyakan terdiri daripada PKS yang menjalankan perniagaan di Perak dan berdekatan dengan SME Corporation.

Sampel terdiri daripada 100 PKS, yang mana adalah mikro, kecil, dan perusahaan bersaiz sederhana. Pada umumnya terdapat beberapa aktiviti yang termasuk dalam pengklafikasian aktiviti ekonomi yang melibatkan PKS iaitu: pertanian asas, perkilangan atau pembuatan (termasuk asas tani), perkhidmatan berkaitan perkilangan, perkhidmatan, perlombongan dan pengkuarian dan pembinaan (Malaysia, Bank Negara [BNM], 2005).

### Reka Bentuk Kajian

Terdapat tiga reka bentuk kajian dalam menjalankan penyelidikan iaitu *exploratory*, *descriptive* dan *causal design* (Hair *et al.*, 2007). Penyelidikan ini adalah berdasarkan kaedah deskriptif atau '*descriptive study*'. Tujuan utama kajian deskriptif dilaksanakan adalah untuk memberi gambaran sebenar sesuatu fenomena (Hair *et al.*, 2007). Kajian deskriptif bersesuaian dengan penyelidikan ini kerana kajian ini membantu memberikan gambaran bagi penyelidikan pada masa hadapan (Sekaran, 2003). Selain itu, kaedah deskriptif juga merupakan kaedah paling sesuai dipraktikkan dalam penyelidikan ini bagi memahami isu secara lebih sistematik dengan menggunakan teknik pengumpulan data berstruktur (Cavana, Delahaye, dan Sekaran, 2001). Kaedah kuantitatif telah digunakan sepanjang kajian ini. Kaedah ini dipilih kerana ianya sesuai dengan soal-selidik yang diedarkan kepada responden. Data yang diperolehi adalah data prima yang didapati terus daripada responden. Kaedah ini juga sesuai digunakan kerana melibatkan responden yang ramai (Hair *et al.*, 2007).

## REKA BENTUK INSTRUMEN KAJIAN

Berdasarkan kepada kaedah kuantitatif yang dipilih dalam kajian ini, instrumen kajian adalah melalui soal-selidik. Kaedah ini paling sesuai digunakan kerana faktor lokasi responden yang terbatas di sebuah bank sahaja. Selain itu, penyelidik dapat mengumpulkan data-data soal-selidik di kawasan tersebut dalam tempoh masa yang singkat (Sekaran, 2003). Jenis soal-selidik yang dikendalikan adalah berdasarkan kepada *personally administered questionnaires* (Sekaran, 2003). Melalui cara ini, penyelidik berpeluang memperoleh maklumat dengan lebih tepat kerana para responden boleh bertanyakan secara langsung sekiranya terdapat keraguan terhadap soal-selidik yang diedarkan.

### Instrumen Soal selidik

Terdapat dua bentuk soal-selidik yang boleh dilakukan iaitu soalan terbuka (*open-ended*) dan soalan tertutup (*close questions*). Penyelidik memilih menjalankan kajian berdasarkan kepada kaedah soalan tertutup. Melalui kaedah ini, responden dikehendaki menjawab satu set soalan berkaitan penglibatan dalam program SME Corporation terhadap kualiti produk dan keuntungan PKS

### Skala pengukuran soal selidik

Terdapat dua jenis skala pengukuran dalam soal-selidik yang digunakan. Bagi soal selidik ini, penyelidik menggunakan skala nominal (*nominal scale*), dan skala pengukuran Skala Likert 5 mata (*Likert Scale 5-point*). Skala Likert digunakan bagi menguji aras kecenderungan responden terhadap sesuatu item yang diuji (Sekaran, 2009). Skala ini paling sesuai dipilih menilai gelagat dalam kajian yang dilakukan (Salkind, 2009). Melalui kajian lepas juga, skala Likert ini dipilih bagi mengkaji hubungan diantara dua pembolehubah (Ferdous dan Towfique, 2008; Norkhazainna, 2009). Dalam kedua-dua bahagian, terdapat soalan yang menggunakan skala ini, responden dikehendaki memilih hanya satu sahaja darjah persetujuan daripada lima darjah yang terdiri daripada darjah-darjah berikut; 1-Sangat tidak setuju, 2-Tidak setuju, 3- Neutral,4- Setuju dan 5-Sangat setuju.

## ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian dianalisis berdasarkan kepada tiga persoalan kajian yang dinyatakan. Ketiga-tiga analisis persoalan kajian dilakukak berdasarkan kepada skor min.

Analisis tahap keberkesanan program SME Corp. dari segi kualiti produk PKS.

No.	Item	Min	Analisis
1.	PKS mempunyai tahap keyakinan yang tinggi bagi memasarkan produk ke pasaran luar	3.40	Sederhana
2.	Penghasilan produk PKS adalah lebih berkualiti hasil daripada program yang telah dihadiri	3.50	Sederhana
3.	PKS mampu menghasilkan kepelbagaian produk yang mengikut kehendak pasaran	3.50	Sederhana
4.	Penyertaan program dapat melahirkan usahawan menceburi secara serius dalam perniagaan sekaligus dapat menghasilkan produk yang berkualiti	3.60	Sederhana
5.	PKS sentiasa memantau pemprosesan makanan bagi memastikan produk sentiasa berkualiti	3.33	Sederhana
6.	PKS sentiasa berusaha untuk memasarkan produk di pasaran antarabangsa	3.37	Sederhana
7.	Sijil pengiktirafan ISO, HALAL sangat penting kepada PKS	3.37	Sederhana

8.	PKS sentiasa mengikut tahap kualiti dan kriteria yang telah ditetapkan oleh agensi kerajaan.	3.67	Sederhana
Purata Min		3.47	Sederhana

Skor purata min keseluruhan keberkesanan program SME Corp. terhadap PKS dari segi kualiti produk adalah pada 3.47. Kajian menunjukkan skala min pada kedudukan sederhana. Kedudukan min yang tertinggi adalah pada item 8 iaitu 3.67. Item 8 menunjukkan di mana PKS sentiasa mengikut tahap kualiti dan kriteria yang telah ditetapkan oleh agensi Kerajaan. Manakala item 2 dan 3 berada pada kedudukan pertengahan iaitu di antara tertinggi dan terendah. Min bagi item 2 dan 3 adalah 3.50 pada kedudukan sederhana. Item 2 menggambarkan penghasilan produk PKS adalah lebih berkualiti hasil daripada program yang telah dianjurkan oleh SME Corp. Item 3 pula menunjukkan bahawa PKS mampu menghasilkan kepelbagaian produk yang mengikut kehendak pasaran. Di samping itu, item 5 berada pada kedudukan yang terendah dari segi faktor kualiti produk iaitu skor min sebanyak 3.33. Skor min item 5 adalah pada kadar sederhana. Item 5 menerangkan PKS sentiasa memantau pemprosesan makanan bagi memastikan produk sentiasa berkualiti.

Analisis tahap keberkesanan Program SME Corp. dari segi keuntungan

No	Item	Min	Analisis
1	PKS mampu mengendalikan masalah yang berkaitan dengan kos operasi perniagaan hasil daripada kursus kewangan yang telah dihadiri	3.43	Sederhana
2.	Hasil keuntungan PKS semakin meningkat hasil daripada program yang telah disertai	3.47	Sederhana
3	Hasil perkongsian ilmu dan pengalaman di antara peserta dan pengendali program, secara tidak langsung membantu PKS dalam meningkatkan keuntungan	3.53	Sederhana
4	Bantuan latihan yang diberikan oleh SME Corp. dapat membantu meningkatkan ekonomi perniagaan PKS	3.70	Sederhana
5	PKS mampu bersaing dengan pasaran luar samada domestik dan antarabangsa	3.37	Sederhana
6	Penyertaan di dalam program yang dianjurkan oleh SME Corp bersama agensi kerajaan seperti MAHA dapat meningkatkan keuntungan PKS.	3.62	Sederhana
7.	PKS mampu menyediakan anggaran perbelanjaan yang lebih ekonomik hasil daripada program yang dihadiri	3.43	Sederhana
Purata Min		3.51	Sederhana

Purata skor min keseluruhan dari segi faktor keuntungan adalah 3.51 iaitu pada kedudukan sederhana. Kedudukan min yang tertinggi adalah 3.70 pada item 4. Item 4 menunjukkan di mana bantuan latihan yang diberikan oleh SME Corp. dapat membantu meningkatkan ekonomi perniagaan PKS. Bagi item 3 adalah pada kedudukan pertengahan iaitu 3.53. Item 3 menerangkan hasil perkongsian ilmu dan pengalaman diantara SME Corp dan PKS dapat membantu PKS dalam meningkatkan keuntungan. Bagi kedudukan yang terendah adalah pada item 5 iaitu PKS mampu bersaing dengan pasaran luar sama ada domestik dan antarabangsa. Skor min bagi item 5 adalah 3.37.

## Analisis tahap keberkesanan program dari segi pengurusan

No	Item	Min	Analisis
1	Pengurusan PKS lebih baik dan teratur hasil program yang disertai	3.40	Sederhana
2.	PKS telah mendapat sijil HALAL JAKIM	2.43	Sederhana
3	Pengurusan PKS mampu memenuhi kehendak pasaran luar	3.20	Sederhana
4	Pengurusan syarikat telah mengikut standard piawaian pasaran antarabangsa	2.43	Sederhana
5	Pengurusan PKS telah mengikut standard piawaian yang telah ditetapkan oleh agensi kerajaan seperti FAMA	3.30	Sederhana
6	Program yang disediakan mampu memberi keyakinan kepada pengurusan PKS untuk bergerak maju ke pasaran luar	3.33	Sederhana
Purata Min		2.83	Sederhana

Skor purata min adalah 2.83 iaitu pada kedudukan sederhana. Kedudukan yang tertinggi adalah pada item 1 iaitu pengurusan PKS lebih baik dan teratur hasil daripada program yang telah disertai. Skor min bagi item 1 adalah 3.40 iaitu pada kedudukan sederhana. Item 3 adalah pada kedudukan pertengahan iaitu pada 3.20. Item 3 menunjukkan pengurusan PKS mampu memenuhi kehendak pasaran luar. Kedudukan yang terendah adalah pada item 2 dan 4 di mana skor min adalah 2.43. Item 2 menunjukkan di mana PKS telah mendapat sijil HALAL JAKIM. Manakala item 4 menggambarkan di mana pengurusan PKS telah mengikut standard piawaian pasaran antarabangsa.

## RUMUSAN

Menurut Amir Hassan Dawi (2006), kepentingan kajian bermaksud apakah kajian berkenaan berguna kepada mana-mana pihak. Setiap kajian yang dijalankan selalunya mempunyai motif-motif tertentu atau untuk kepentingan pihak tertentu. Kajian ini dijalankan bagi melihat keberkesanan program yang dijalankan oleh SME Corporation dalam menilai prestasi PKS Bumiputera yang mana untuk mengkaji sejauh mana relevan dan kesesuaian program tersebut dalam meningkatkan prestasi dan produktiviti PKS. Dalam kajian ini, faktor yang dikaji adalah meliputi aspek keuntungan, kualiti produk, dan pengurusan PKS yang dianggap sebagai tunjang utama kepada pengkaji bagi mengukur sejauh mana keberkesanan dan penerimaan program tersebut dapat meningkatkan prestasi PKS. Justeru itu, dengan adanya kajian seumpama ini, diharapkan ia dapat menarik pihak-pihak yang terlibat untuk bekerjasama dengan SME Corp. seperti bank-bank perdagangan, Credit Guarantee Corporation (CGC), Tabung ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) dalam menawarkan program-program sokongan yang sememangnya dapat membantu meningkatkan prestasi PKS.

Di samping itu juga, pembaca akan dapat mengetahui gambaran umum berkaitan PKS yang terdapat di Perak. Penyelidikan ini juga diharap dapat memberikan sumbangan yang berguna kepada beberapa pihak:

### **Kepada pengusaha dan bakal pengusaha PKS tempatan.**

Melalui kajian ini, pengusaha PKS dan bakal pengusaha yang ingin menjalankan perniagaan dapat mengetahui program yang dianjurkan oleh SME Corp. dan kepentingan program tersebut. Para pengusaha juga akan dapat mengenalpasti faktor yang paling



mempengaruhi pelanggan untuk mengikuti program tersebut khususnya usahawan di Negeri Perak.

### **Sumbangan kepada agensi-agensi PKS**

Pada masa kini, di Malaysia terdapat pelbagai agensi yang berpautan dengan PKS seperti MPPK, SME Bank, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan sebagainya. Dengan adanya kajian ini, ia dapat memberikan panduan kepada agensi-agensi tersebut dan pihak kerajaan untuk menjalinkan hubungan dengan PKS seterusnya dapat memantapkan langkah-langkah terdahulu untuk meningkatkan KDNK serta sumbangan eksport produk PKS ke luar negara.

### **RUJUKAN**

- Abu, N, & Kamarulzaman, Y, (2009). *Principles of Marketing*. Kuala Lumpur: Oxford Revision Series
- Amanah Ikhtiar Malaysia (2010). Halatuju dan Pelan Induk Pembangunan Usahawan Ikhtiar Tahun 2010 dan RMKe-10. Unit Pembangunan Usahawan, AIM.
- Baruah, K.A.S. *Entrepreneurship: Concept and Definition*
- BNM (2005). Laporan Tahunan Bank Negara 2005.
- BNM (2011). Laporan Tahunan Bank Negara 2011.
- BNM (2015). Laporan Tahunan PKS 2011-2015 Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia
- Bryman, A, & Bell, E. (2007). *Business Research Method (2<sup>nd</sup> edition)* New York: Oxford University Press Inc.
- Cavana, R.Y, Delahaye, B.L, & Sekaran, U. (2001). *Applied Business Research: Qualitative and Quantitative Methods*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Chamhuri Siwar, Anuwar Ali, Mohd Yusof Kasim, Abdul Malik Ismail, Osman Rani Hassan & Abdul Majid Salleh (1992). *Cabaran Ekonomi Bumiputera selepas 1990: Sorotan isu dan cadangan*.
- Copestake, J., Bhalotra, S & Johnson, S. (2001). Assessing the impact of Microcredit: A Zambian Case Study. *The Journal of Development Studies*, 37 (4), 81-100.

- Dr. Lay Yoon Fah (2008). Pengenalan Kepada Analisis Statistik Dalam Penyelidikan Sains Sosial Siri 1. Kota Kinabalu: Venton Sdn. Bhd.
- Hair, J, Money, A, Page, M, & Samouel, P. (2007). Research Methods for Business. England: John Wiley & Sons Ltd.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM): Statistik PKS di Malaysia. (2011)
- Moha Asri Abdullah (1999a). Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana [The Development of Small and Medium Industry] Kuala Lumpur: Fajar Bakti
- Mohd Nasir Ahmad (2006). Memperkasakan Daya Maju Usahawan PKS: Negara perlu lebih banyak peniaga cemerlang untuk sokong pembangunan ekonomi. Berita Harian, 11 Disember 2006
- Norkhazzaina Salahuddin (2009). Kualiti Perkhidmatan dan Hubungannya dengan kepuasan pelanggan di Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Ismail, Rahmah, et. al (2006) Daya saing usahawan dan syarikat Melayu dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods for Business A Skill-Building Approach*. 4th Edition, John Wiley & Sons, New York.
- Sekaran, U. and Bougie, R. (2009) *Research Methods for Business: A Skill- Building Approach*. 5th Edition, John Wiley and Sons Inc., Hoboken.
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2015.
- [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)